



JABATAN KERJA RAYA MALAYSIA

*PEPERIKSAAN PERKHIDMATAN
JURUTEKNIK*

SENIBINA

KOD : C031

SUBJEK : TULISAN SPESIFIKASI

TARIKH : 20 OGOS 2001

MASA : 2.00 - 3.30 PTG

**DILARANG MEMBUKA KERTAS
SOALAN SEHINGGA DIARAHKAN**

ARAHAN KEPADA CALON:

1. *Tuliskan angka giliran serta nombor kad pengenalan anda dengan terang pada tiap-tiap helai kertas jawapan yang digunakan. Jangan sekall-sekali menulis nama anda pada kertas jawapan. Kertas jawapan yang mengandungi nama calon akan dianggap tidak sah.*
2. *Pastikan anda mendapat kertas soalan yang lengkap.*
3. *Jawab dalam Bahasa Malaysia sahaja. Istilah-istilah teknikal yang tiada terjemahannya atau sukar diterjemahkan boleh dikekalkan dalam bahasa asalnya. Jawapan yang tidak mematuhi syarat ini tidak akan diberi markah.*
4. *Jawab secukup soalan sahaja mengikut arahan dalam kertas soalan. Jawapan bagi soalan lebih tidak akan diberi markah.*
5. *Semua perkiraan untuk mendapatkan jawapan hendaklah ditunjukkan. Jawapan yang betul tetapi tiada menunjukkan perkiraan tidak akan diberi markah.*
6. *Calon-calon digalakkan membuat lakaran untuk menjelaskan jawapan mereka di mana sesuai.*
7. *Calon-calon dilarang merujuk kepada buku atau sebarang bahan rujukan melainkan yang dibenarkan mengikut arahan yang tercatat dalam permulaan kertas soalan.*
8. *Penggunaan mesin pengira elektronik tanpa kemudahan program adalah dibenarkan melainkan jika dinyatakan sebaliknya di dalam kertas soalan.*
9. *Bagi subjek peperiksaan di mana masa rehat diberi (misalnya, subjek LUKISAN), calon-calon adalah dilarang membawa kertas soalan keluar dari dewan peperiksaan pada bila-bila masa sehingga keseluruhan peperiksaan untuk subjek berkenaan tamat.*
10. *Semua kertas jawapan mesti disusun dan diikat dengan sempurna.*
11. *Calon-calon dilarang mengambil kertas jawapan kosong yang telah disediakan keluar dari dewan peperiksaan pada bila-bila masa.*
12. *Calon-calon tidak dibenarkan keluar dewan peperiksaan dalam tempoh masa 30 minit dari mulanya peperiksaan.*
13. *Tindakan tatatertib akan diambil terhadap calon-calon yang menyerahkan kertas jawapan kosong (tanpa sebarang jawapan) sekiranya mereka tidak mempunyai sebab yang munasabah.*
14. *Calon-calon yang didapati meniru/menipu semasa menduduki peperiksaan akan dikenakan tindakan tatatertib.*
15. *Tindakan tatatertib akan diambil terhadap calon yang mengingkari arahan Ketua Pengawas semasa di dalam dewan peperiksaan.*

PERKARA : C031 - TULISAN SPESIFIKASI

ARAHAN KEPADA CALON

*Kertas ini mengandungi sebanyak enam (6) soalan.
Jawab mana-mana empat (4) soalan sahaja.*

SOALAN 1

- a) Nyatakan dengan ringkas, apa yang anda faham dengan:
- i. Spesifikasi Piawai
 - ii. Spesifikasi Tambahan
 - iii. Spesifikasi di dalam Senarai Bahan
 - iv. Spesifikasi berasingan
 - v. Spesifikasi kerja-kerja Ubahsuai.

(10 markah)

- b) Senaraikan dokumen-dokumen yang terdapat dalam Kontrak Berasaskan Lukisan dan Spesifikasi.

(5 markah)

- c) Dalam kes sekiranya terdapat percanggahan/perbezaan dalam Dokumen Kontrak, senaraikan peraturan-peraturan yang perlu diterimapakai.

(10 markah)

SOALAN 2

- a) Dalam Projek A terdapat beberapa kesan 'Tompok-tompok tanah lembut' di kawasan tanah tambun. Tuliskan spesifikasi untuk mengatasi masalah ini.

(10 markah)

- b) Dalam kerja-kerja konkrit, tuliskan spesifikasi kehendak am bagi penyediaan:

- i. Acuan konkrit
- ii. Acuan konkrit berpermukaan licin
- iii. Pengawetan dan Pelindung konkrit.

(10 markah)

- c) Tuliskan dengan ringkas spesifikasi bagi 'Kerja Batu Bata Muka'.

(5 markah)

SOALAN 3

- a) Berasaskan Spesifikasi Piawai, anda telah diarah untuk Menyediakan Jadual Kelengkapan Pintu berikut:

- i. Pintu Dua Daun
- ii. Pintu Tandas
- iii. Pintu Rintangan Api Satu Daun

(15 markah)

- b) Nyatakan dengan ringkas Spesifikasi & Kelengkapan Pintu/Tingkap bingkai keluli.

(5 markah)

- c) Tuliskan spesifikasi bagi 'Bahan-Bahan Tambun' dalam kerja-kerja tanah.

(5 markah)

SOALAN 4

- a) Tuliskan spesifikasi bagi kerja mengecat berikut:
- i. Permukaan keluli/besi untuk kerja baru
 - ii. Permukaan keluli/besi untuk kerja ubahsuai
 - iii. Permukaan berlepa/batu untuk kerja baru
 - iv. Mengecat semula permukaan berlepa/batu.
- (20 markah)*
- b) Nyatakan jenis cat yang sesuai untuk permukaan/kemasan berikut:
- i. Permukaan berlepa
 - ii. Gypsum
 - iii. Siling kayu
 - iv. Kerja batu (luar bangunan)
 - v. Keluli/besi.
- (5 markah)*

SOALAN 5

Tuliskan spesifikasi piawai bagi kerja-kerja berikut:

- a) Pagar Dawai Jaring Berangkai, Dawai Penegang dan Dawai Berduri.
- (5 markah)*
- b) Penanaman Pokok
- (10 markah)*
- c) Penanaman Rumput Tanam-Tompok dan Tanam-Rapat.
- (10 markah)*

SOALAN 6

- a) Dalam kerja paip bekalan air nyatakan **lima (5)** lokasi di mana Injap Penahan Tekanan Tinggi perlu dipasang bagi tujuan mengawal pengaliran air.

(10 markah)

- b) Dalam skop kerja saluran kotoran, jika kecerunan paip kotoran tidak ditunjukkan atau ditakrif dalam lukisan. Paip-paip hendaklah dipasang mengikut kecuraman berdasarkan kepada saiz paip. Lengkapkan jadual berikut:

Saiz	Kecerunan
100mm diameter	
150mm diameter	
225mm diameter	
250mm diameter	
300mm diameter	
375mm diameter	
450mm diameter	

(7 markah)

- c) Spesifikasikan Kehendak Am, bagi penyimpanan dan kendalian Kerja Keluli Pasang Siap di tapak binaan.

(8 markah)
